

GARIS PANDUAN

PENAWARAN PROGRAM PESISIR (OFFSHORE)



<http://www.mbot.org.my>

<https://www.ttasmbot.org.my>



ttas@mbot.org.my

1.0 PENGENALAN

Garis panduan ini menerangkan panduan umum penawaran program pesisir (*Offshore*) di bawah TTAC MBOT. Garis panduan ini juga adalah penanda aras dan adaptasi kepada Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi (2009-2020) dan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).

2.0 PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PESISIR (*OFFSHORE*)

Pesisir (*Offshore*) adalah program yang ditawarkan secara sepenuh atau sebahagiannya di lokasi luar kampus/premis induk di luar negara.

Bagi memastikan penawaran program yang bakal ditawarkan oleh pemberi pendidikan (PP) secara pesisir (*Offshore*) mendapat pengiktirafan sewajarnya dan dipaparkan di MQR, PP diingatkan untuk menyemak panduan yang dikeluarkan oleh JPT dan MQA melalui:

- i. Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi (2009-2020) (edisi Ketiga)
- ii. Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam (edisi Kedua)

Selain itu, ketetapan akreditasi melalui badan profesional adalah tertakluk kepada :

- i. Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007. Seksyen 50 – 55 Program Profesional dan Kelayakan Professional
- ii. Akta Teknologis dan Juruteknik 2015, Kuasa Lembaga Seksyen 6(2)(g) menubuhkan majlis bagi menilai jaminan kualiti program dalam bidang teknologi
- iii. Ketetapan Mesyuarat Penyelarasan Jaminan Kualiti di antara MQA dan TTAC MBOT pada 5 Mei 2021 seperti berikut:

Perkara	Pelaksanaan
Permohonan	PP memohon melalui MBOT
Pelantikan panel	TTAC membuat pelantikan panel
Proses penilaian	TTAC MBOT menjalankan proses penilaian
Kelulusan	Lembaga MBOT

Mendapatkan kelulusan pelaksanaan pesisir (*Offshore*) kepada TTAC MBOT menggunakan SRR07 - *Offshore* dan bayaran fi yang berkaitan.

PP perlu mengemukakan permohonan akreditasi penuh melalui MQA 6 bulan sebelum kohort pertama program yang ditawarkan secara pesisir (*Offshore*) bergraduat. Format permohonan adalah menggunakan SRR07 TTAC MBOT - *Offshore* dengan memasukkan maklumat kerjasama yang berkaitan seperti mana yang dinyatakan di dalam SRR07 TTAC MBOT - *Offshore* semasa memohon pelaksanaan program.

2.1 PROSEDUR PERMOHONAN

Sebarang program kerjasama PP perlu mematuhi dasar dan prosedur kerjasama yang ditetapkan serta mesti mendapat kelulusan daripada KPM (JPT) sebelum program berkenaan mula ditawarkan dan dilaksanakan. Untuk menjalankan program kerjasama sama ada dengan pihak dalam atau luar negara, PP perlu membuat permohonan dan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pihak pengurusan tertinggi Universiti (Senat dan LPU/LGU). Setelah permohonan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Tinggi (JKPT), barulah program kerjasama tersebut boleh ditawarkan dan dilaksanakan.

Permohonan hanya bagi program yang telah mendapat kelulusan penawaran program akademik oleh JKPT dan sijil perakuan akreditasi (akreditasi penuh) oleh TTAC MBOT sahaja ditawarkan secara pesisir di dalam dan luar negara dan program tersebut telah mempunyai pengambilan pelajar di kampus induk.

2.2 TUJUAN

Tujuan utama penilaian audit lokasi/institusi di dalam dan luar negara dijalankan adalah :

- i. Memastikan kebajikan pelajar terjaga dan diutamakan;
- ii. Memastikan sumber pendidikan seperti kemudahan infrastruktur fizikal, kemudahan pengajaran dan pembelajaran, teknologi maklumat dan komunikasi, kepakaran, persekitaran yang kondusif dan kemudahan-kemudahan lain yang penting mencukupi dan menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan;
- iii. Memastikan kualiti pengendalian program akademik di lokasi/institusi di dalam dan luar negara terjamin seperti mana pengendalian program di dalam kampus induk UA.

2.3 PELAKSANAAN

PP perlu membuat penyetaraan berasaskan ketetapan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dan juga TTAC Standard berkaitan:

a) Umum

- i. PP perlu menyatakan perancangan untuk melaksanakan program di kampus pesisir (*Offshore*) atau pusat wilayah di dalam atau luar negara semasa membuat permohonan untuk mendapatkan akreditasi sementara.
- ii. PP dikehendaki memaklumkan kepada TTAC MBOT dan MQA sejurus bermulanya pelaksanaan program di kampus pesisir (*Offshore*) atau pusat wilayah di luar negara.
- iii. PP harus ambil maklum bahawa fi yang dikenakan adalah berdasarkan fi permohonan yang berkuat kuasa dengan tambahan perbelanjaan lawatan ke luar negara dan mesyuarat penyelarasan sebelum dan selepas lawatan (*pre and post meeting*).

b) Kampus pesisir (*Offshore*)

- i. Pelaksanaan audit akan memfokus kepada pengendalian program di kampus tersebut sahaja.
- ii. PP perlu menyediakan maklumat berdasarkan aspek jaminan kualiti yang ditetapkan dalam TTAC Standard dengan modifikasi tertentu berdasarkan konteks kampus.

2.4 PEMANTAUAN DAN SEMAKAN TTAC MBOT


TTAC MBOT akan membuat semakan terhadap pelaksanaan program tersebut melalui lawatan penilaian secara fizikal (sekiranya ada keperluan).

PP Malaysia dikehendaki menanggung kos lawatan audit ke kampus pesisir (*Offshore*) sekiranya semakan terhadap pelaksanaan program di sana diperlukan atas ketetapan MBOT.

Maklumat berkaitan penghentian atau penarikan semula akreditasi akan dikemaskini dalam laman sesawang TTAS MBOT dan MQR untuk rujukan semua pemegang taruh yang berkaitan.

LAMPIRAN A

OFFSHORE ACCREDITATION FLOW CHART



* Acronym :

MBOT: Malaysia Board of Technologist
 MQA: Malaysian Qualifications Agency
 EP: Education Provider
 AP: Accreditation Panel
 JTA: Jawatankuasa Teknikal Akreditasi
 TTAC: Technology and Technical Accreditation Council